

Kerajaan tak berhasrat arah pegawai institusi keuangan isytihar harta

UM 24 MAR 1987

KUALA LUMPUR 23 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengarahkan pegawai-pegawai di institusi kewangan dan koperasi mengisytiharkan harta masing-masing.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, institusi kewangan dan koperasi adalah institusi persendirian yang ditubuh dan diuruskan di bawah perundangan dan peraturan tertentu dan tidak di bawah pengurusan kerajaan secara langsung.

Menjawab soalan **Senator Datuk Dr. K.S. Nijhar**, beliau menjelaskan, dengan itu apa-apa perkara berhubung dengan pengisytiharan harta-harta pegawai-pegawai institusi kewangan itu akan ditimbang dan ditentukan oleh pihak-pengurusan masing-masing.

Datuk Dr. KS Nijhar dalam soalnya bertanya sama ada kerajaan akan mewajibkan semua pegawai di institusi kewangan

dan koperasi mengisytiharkan harta secara terbuka bagi mewujudkan asas yang kukuh untuk sebuah kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Menurut Perdana Menteri, pengisytiharaan secara terbuka juga adalah tidak perlu kerana semua pegawai awam (kecuali kumpulan D) diarah membuat pengisytiharan harta mereka kepada pihak berkuasa lembaga tatatertib.

“Arahan kerajaan ini terkandung di dalam pekeliling perkhidmatan tahun 1981 dan 1984,” katanya.

Menjawab soalan tambahan **Senator Shuaib Lazim**, Perdana Menteri memberitahu, setakat ini tidak ada pegawai-pegawai kerajaan yang ingkar dan tidak mematuhi arahan mengisytiharkan harta masing-masing.

Katanya, sekiranya terdapat laporan palsu, tindakan akan diambil ke atas mereka yang tidak mematuhi arahan ini, selepas penyelidikan dijalankan.